



KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR)

JOHOR 2017

1. Bagi menjunjung titah DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, satu undang-undang telah digubal bagi tujuan mencegah penggunaan tidak wajar berkenaan dengan Lambang, Gelaran dan Anugerah.
2. Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 telah mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri Johor yang bersidang pada 9 Mac 2017 dan seterusnya telah **diwartakan pada 16 Mac 2017**.
3. Penggubalan Enakmen ini merupakan salah satu usaha memartabatkan institusi DiRaja dan diharap dapat membanteras kegiatan penyalahgunaan Lambang, Gelaran dan Anugerah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Enakmen ini.
4. **Lambang** bagi maksud Enakmen ini adalah apa-apa lambang, mohor, bendera Diraja, tanda kebesaran, jata negeri atau gambaran yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama Enakmen ini.
5. **Gelaran** bagi maksud Enakmen ini merujuk kepada apa-apa gelaran yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Johor sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Enakmen ini.

6. **Anugerah** bagi maksud Enakmen ini merujuk kepada apa-apa Darjah, Tanda Kemuliaan dan Kebesaran yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Johor.
7. Enakmen ini memperuntukkan undang-undang yang lebih ketat terhadap individu yang menyalahgunakan lambang, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Johor. Tiada seorang boleh melakukan perkara berikut kecuali telah mendapat kebenaran bertulis dari DYMM Sultan Johor:
 - a) Menggunakan lambang, gelaran dan anugerah atau replikanya untuk tujuan perdagangan, perniagaan, pekerjaan, profesion, sosial atau persendirian.
 - b) Membuat, menempah, menghasilkan dalam apa-apa bentuk lambang atau anugerah atau replikanya dalam apa-apa paten, cap dagangan atau rekabentuk.
 - c) Membuat bagi tujuan untuk menjual, mempamer untuk jualan apa-apa lambang, gelaran dan anugerah.
 - d) Mempamer atau melekatkan apa-apa lambang, gelaran dan anugerah atau replikanya kepada apa-apa kenderaan.

Jika sabit kesalahan, individu tersebut boleh didenda tidak kurang daripada RM250,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 atau hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun.

8. Lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam Enakmen ini adalah:
 - a) Menggunakan gelaran atau anugerah yang dibatalkan dan ditarik balik.
 - b) Menggunakan gelaran atau anugerah yang bukan hak.
 - c) Memberi, menerima dan menggunakan lambang, gelaran dan anugerah yang tidak diiktiraf.
 - d) Menghadiri majlis pemberian lambang, gelaran dan anugerah yang tidak diiktiraf.
 - e) Membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah yang tidak diiktiraf.

- f) Membuat peralatan untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf.
- g) Memiliki peralatan atau material untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah yang tidak diiktiraf.

Jika sabit kesalahan, individu tersebut boleh didenda tidak kurang daripada RM100,000.00 dan tidak melebihi RM250,000.00 atau hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun.

9. DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, telah berkenan dan menitahkan agar kawalan penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Enakmen ini dikawal selia oleh Setiausaha Kerajaan Johor.
10. DYMM Tuanku juga telah menitahkan agar kawalan penggunaan lain-lain Lambang, Gelaran dan Anugerah dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Enakmen ini dikawal selia oleh Jabatan DiRaja Johor.
11. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan Jata Kerajaan Negeri Johor ini boleh dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan).
12. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan lain-lain Lambang dan Anugerah ini boleh dikemukakan ke Jabatan DiRaja Johor.
13. Satu Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bilangan 1 Tahun 2017, berkenaan Pelaksanaan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 serta penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor telah dikeluarkan yang telah **berkuat kuasa pada 2 Mei 2017**. Borang Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan Jata Kerajaan Negeri Johor dan lain-lain Lambang dan Anugerah turut dilampirkan dalam Pekeliling ini.

14. Bagi mengambil kira kesedaran orang awam berkenaan dengan pewujudan Enakmen ini, Kerajaan Negeri Johor telah memutuskan untuk memberikan tempoh selama 60 hari sebagai satu tempoh "*cooling period*" mulai daripada pekeliling tersebut berkuatkuasa.

15. Tempoh "*cooling period*" ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang awam agar mengambil maklum dan bersedia mematuhi segala peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Enakmen ini sebelum penguatkuasaan Enakmen ini **dikuatkuasakan sepenuhnya apabila cukup tempoh 60 hari itu tamat.**

YB DATUK HAJI AYUB BIN RAHMAT
PENGERUSI JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM DAN ALAM SEKITAR, PENDIDIKAN, PENERANGAN NEGERI JOHOR

ISKANDAR PUTERI
8 MEI 2017